

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JUNE 2016

Pekebun RISDA dapat dividen RM94.5j

BH - (2/6/2016)

→ PM umum agihan bayaran babit 34,121 peserta TSK, RTBB

Info

Peserta RTBB, TSK

→ **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** sediakan RM29 juta bagi program peningkatan pendapatan pekebun kecil.
→ **RTBB diwujudkan** untuk bantu pekebun kecil yang memiliki tanah kurang 2.8 hektar dengan membangunkan ladang getah dan sawit seluas 19,307 hektar.
→ **RM2,000 nilai** pampasan khairat kematian pekebun kecil akibat kemalangan atau sakit.

Oleh Abdul Razak Raaff dan Nik Sukry Ramli
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Datuk Seri Najib Razak, semalam mengumumkan bayaran dividen RM94.5 juta kepada 34,121 peserta Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK) RISDA.

Perdana Menteri berkata, agihan dividen itu membabitkan RM63.58 juta kepada 18,041 peserta TSK manakala RM31.009 juta kepada 16,080 peserta RTBB.

Beliau juga mengumumkan kerajaan meluluskan Skim Bantuan Khairat Pekebun Kecil berjumlah RM5.2 juta kepada 368,000 pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.

Pada masa sama, Perdana Menteri mahu rakyat termasuk pekebun kecil lebih proaktif memikirkan cara

ke hadapan cara mahu mempelbagaikan sumber pendapatan berikutan keadaan ekonomi tidak menentu.

Najib berkata, contohnya pekebun kecil tidak boleh hanya mengharapkan pendapatan getah atau kelapa sawit sahaja untuk menampung keperluan harian keluarga masing-masing.

Proaktif tambah pendapatan

“Tolong pelbagaikan rezeki.. rakyat perlu proaktif memikirkan cara memajukan diri bagi menambah pendapatan. Cari dan buatlah (pelbagaikan sumber pendapatan) supaya tidak susah kemudian hari.

“Kerajaan juga sentiasa bertindak proaktif dalam meningkatkan sumber pendapatan. Sebelum ini kita bergantung pendapatan hasil minyak dan gas sahaja tetapi sekarang kita dapat pendapatan daripada sumber lain juga.

“Kita masih boleh bantu golongan berpendapatan rendah dengan ba-

yar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan khas Aidilfitri RM500 kepada pekebun kecil dan juga penjawat awam. Jika kerajaan tidak mengambil perancangan proaktif dan fikir ke hadapan, keadaan hari ini mungkin lebih terancam dan (rakyat) terima lebih tekanan hidup (daripada sekarang),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian dividen RISDA dan pelancaran Skim Bantuan Khairat Kematian Pekebun Kecil di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Timbalannya, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub serta Pengerusi RISDA, Datuk Zahidi Zainal Abidin.

Terdahulu, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan turut hadir majlis berbuka puasa bersama orang ramai di Masjid Nenasi dan kemudian bersolat Tarawih di Masjid at-Takwa, Peramu, dekat sini.